

AGENDA 3.0

TINDAKAN SUSULAN MKSP ISO QMS DAN ISMS KALI KE-15 TAHUN 2025

Pembentang:

Puan Rozi Tamin

Setiausaha Mesyuarat /

Timbalan Pengarah Jaminan Kualiti Perkhidmatan

Pusat Jaminan Kualiti

Berilmu Berbakti Pertanian • Inovasi • Kehidupan



STATUS TINDAKAN SUSULAN



Perincian Tindakan Susulan, rujuk Agenda 3.0 Agenda 3 Tindakan Susulan Minit MKSP ISO QMS ISMS UPM Tahun 2025

1

Minit 15.6.1.3(e): Pencapaian Piagam Pelanggan 2024



2

Minit 15.6.3.2(d): Penemuan Audit Dalaman 2025



3

Minit 15.8.1(h): Keberkesanan Tindakan bagi Menangani Risiko Strategik UPM



FOKUS PENGURUSAN

Daftar Risiko dan pemantauan JPRU • Pemeriksaan PTJ berisiko tinggi • Kecukupan kawalan dan peruntukan keselamatan

4

Minit 15.9(d): Peluang Penambahbaikan ISMS





Pertanian • Inovasi • Kehidupan
Berilmu Berbakti

Terima Kasih



LAPORAN STATUS KEBERKESANAN PELAKSANAAN TINDAKAN SUSULAN
MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) ISO 9001 DAN SISTEM
PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) ISO 27001 UPM TAHUN 2025 (KALI KE-15)
[Tarikh Mesyuarat : 19 Ogos 2025]

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS KEBERKESANAN TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)												
15.6 15.6.1 15.6.1.3	MAKLUMAT PRESTASI DAN KEBERKESANAN QMS & ISMS Pencapaian Objektif Kualiti Pencapaian Piagam Pelanggan Tahun 2024															
1.	15.6.1.3(e)	mesyuarat mengambil maklum ada 4 pusat tanggungjawab yang mempunyai laporan tidak lengkap iaitu i-PUTRA, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP), Bahagian Kaunseling dan Bahagian Perumahan dan Penempatan dan mesyuarat meminta agar laporan ini dapat dilengkapi bagi memastikan tahap pencapaian kepuasan pelanggan diukur.	Ketua PTJ & TWP PP/PTJ Berkaitan [TWP PP iPUTRA, TWP PP Pej. TNCHEPA]	Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) UPM: Semua 4 PTJ yang berkenaan telah mengemukakan Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan menerusi e-mel bertarikh 19 Ogos 2025 kepada pihak Urusetia Perkhidmatan Pelanggan. Dengan penerimaan laporan tersebut, Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan PTJ UPM bagi tahun 2024 adalah lengkap.												
15.6.3 15.6.3.2	Penemuan Audit Audit Dalam QMS dan ISMS Tahun 2025															
2.	15.6.3.2(d)	mengambil perhatian maklum balas pelan tindakan serta bukti pelaksanaan tindakan bagi penemuan audit dalaman perlu direkodkan melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) mengikut tempoh yang ditetapkan oleh PTJ dengan persetujuan bersama Ketua Juruaudit Dalaman.	TWP PP/PTJ berkenaan	Status Penutupan Penemuan Audit Dalam QMS dan ISMS Tahun 2025: QMS <table><tr><td>STATUS</td><td>TUTUP</td><td>BELUM TUTUP</td><td>JUMLAH</td></tr><tr><td>NCR</td><td>133</td><td>1</td><td>134</td></tr><tr><td>OFI</td><td>229</td><td>4</td><td>233</td></tr></table> Belum tutup: NCR:BAKD–prosedur jadual waktu (dalam tempoh) OFI: PPP, BAKD (dipindahkan oleh FBSB)	STATUS	TUTUP	BELUM TUTUP	JUMLAH	NCR	133	1	134	OFI	229	4	233
STATUS	TUTUP	BELUM TUTUP	JUMLAH													
NCR	133	1	134													
OFI	229	4	233													

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS KEBERKESANAN TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)																
				<table><tr><th colspan="4">ISMS</th></tr><tr><th>STATUS</th><th>TUTUP</th><th>BELUM TUTUP</th><th>JUMLAH</th></tr><tr><td>NCR</td><td>2</td><td>0</td><td>2</td></tr><tr><td>OFI</td><td>21</td><td>2</td><td>23</td></tr></table> Belum tutup: OFI: 1. PPKKP – Pelan PKP (dalam tempoh) 2. Skop Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (TNCHEPA) – CCTV PKU	ISMS				STATUS	TUTUP	BELUM TUTUP	JUMLAH	NCR	2	0	2	OFI	21	2	23
ISMS																				
STATUS	TUTUP	BELUM TUTUP	JUMLAH																	
NCR	2	0	2																	
OFI	21	2	23																	
15.8 15.8.1	PENGURUSAN RISIKO, PENILAIAN DAN KEBERKESANAN TINDAKAN Keberkesanan Tindakan bagi Menangani Risiko Strategik UPM																			
3.	15.8.1(h)	mengambil perhatian berkenaan isu keselamatan fizikal yang melibatkan kecurian peralatan untuk pengajaran dan pembelajaran serta mesyuarat meminta pihak PSPK membuat penelitian semula berkenaan isu keselamatan jika perlu melibatkan pihak yang menjaga keselamatan iaitu APSeC.	Pengarah PSPK & Pengarah APSeC	Pengarah PSPK: 1. Risiko Strategik Insiden kecurian yang berlaku secara langsung mendedahkan universiti kepada risiko kemerosotan reputasi institusi. Isu ketiadaan utiliti asas akibat kecurian kabel elektrik dan kompresor pendingin hawa telah menjejaskan operasi serta aktiviti rutin universiti, khususnya kelancaran proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan penyelidikan. Kegagalan mengurus persekitaran fizikal secara berkesan (seperti kelemahan kawalan sempadan bangunan) bukan sahaja berpotensi menggugat kualiti penyampaian perkhidmatan teras UPM berdasarkan keperluan ISO 9001:2015, malah akan menjejaskan persepsi pihak berkepentingan terhadap keupayaan UPM																

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	<u>STATUS KEBERKESANAN TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/PENAMBAHBAIKAN</u>
				memastikan keselamatan kampus untuk pelajar, staf dan pelawat universiti. 2. Risiko Keselamatan, Kesihatan Pekerja dan Persekitaran Akses bebas ke fasiliti PTJ memberi risiko dan mencetuskan kebimbangan terhadap tahap keselamatan kampus. Kegagalan mematuhi langkah keselamatan perlindungan dan prinsip "Defence-in-Depth" boleh mendedahkan staf serta pelajar kepada bahaya, sekali gus menjejaskan aspek keselamatan persekitaran dalam amalan pekerjaan di universiti. 3. Risiko Pembangunan dan Kewangan Insiden pencerobohan, <i>vandalisme</i> dan kehilangan peralatan fizikal seperti sistem perlindungan kilat membawa impak berganda terhadap pengurusan aset serta kelestarian pembangunan infrastruktur universiti. Dari aspek kewangan, situasi ini mengakibatkan kerugian yang menjejaskan keberkesanan kawalan belanjawan berikutan universiti terpaksa menanggung peningkatan kos operasi luar jangka bagi membaik pulih kerosakan serta menggantikan aset yang dicuri. Pada masa yang sama, keperluan penyaluran peruntukan yang mendesak ini bukan sahaja menjejaskan usaha memperkukuh pengurusan sumber utiliti, malah berpotensi merencatkan kelancaran perancangan kos penyelenggaraan pembangunan yang telah dijadualkan.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	<u>STATUS KEBERKESANAN TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/PENAMBAHBAIKAN)</u>
				Cadangan: Mengintegrasikan maklum balas ini ke dalam Daftar Risiko bagi pemantauan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti (JPRU) untuk: i. menilai sama ada tindakan segera oleh APSeC (Inspektorat Keselamatan Universiti) berkesan dalam menurunkan tahap risiko; dan ii. memastikan semua PTJ mematuhi Garis Panduan Arahan Keselamatan Fizikal, termasuk penyediaan kelengkapan keselamatan yang mencukupi. <u>Pengarah APSeC:</u> 1. Tindakan segera yang telah dilaksanakan oleh APSeC adalah seperti berikut: i. menugaskan anggota memantau secara tetap kawasan yang dikenalpasti berlakunya kes kehilangan wayar elektrik, penebat kilat dan kompresor pendingin hawa. ii. membuat tangkapan suspek yang terlibat dalam kes kecurian wayar elektrik, penebat kilat dan kompresor pendingin hawa. Selepas tangkapan suspek yang

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS KEBERKESANAN TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)
				terlibat, APSeC tiada menerima lagi laporan kecurian barang-barang ini. 2. Pelan Tindakan Jangka Panjang APSeC telah menubuhkan Unit Inspektorat Keselamatan, sehubungan dengan itu, semua PTJ boleh memohon kepada APSeC untuk melaksanakan Pemeriksaan Inspektorat Keselamatan di PTJ masing-masing bagi memastikan: - keperluan dalam Arahan Keselamatan yang memerlukan langkah-langkah keselamatan perlindungan terhadap sesebuah bangunan hendaklah diambil secukupnya bagi memenuhi prinsip "Defence-in-Depth" bertujuan mencegah, mengesan, melengahkan dan mengambil tindakan terhadap orang yang tidak dibenarkan dari memerhati, mendengar dan memperoleh rahsia rasmi, aset dan kepentingan kerajaan; - sebagai bentuk pencegahan untuk menutup ruang dan peluang yang wujud di dalam sebarang bentuk akses ke bangunan milik Jabatan bagi mengelakkan sebarang pencerobohan akibat kelemahan dan kecuai dalam mematuhi aspek keselamatan fizikal dan;

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	<u>STATUS KEBERKESANAN TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)</u>
				c. sebagai rekod kepada APSeC dalam memastikan setiap komponen Arahan Keselamatan dipatuhi oleh semua PTJ bagi meminimalkan ancaman, pelanggaran keselamatan dan kebocoran maklumat berlaku; d. memastikan semua PTJ telah mengambil langkah dan mematuhi semua langkah dan aspek keselamatan fizikal bagi memastikan semua tindakan pencegahan terhadap pencerobohan ke atas aset fizikal milik Universiti terpelihara; memastikan pentadbir Fakulti mematuhi semua Garis Panduan Arahan Keselamatan Fizikal termasuk penyediaan kelengkapan asas dan laluan yang selamat untuk keselamatan fizikal, staf dan pelajar Universiti; dan e. memastikan semua alat pencegahan risiko kemusnahan dan keselamatan seperti bilik kebal, peti besi dan ruang pejabat sentiasa dipelihara bagi mengelakkan risiko kehilangan aset.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	STATUS KEBERKESANAN TINDAKAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/PENAMBAHBAIKAN)
15.9	PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS DAN ISMS			
4.	15.9(d)	mengambil perhatian JK Kerja ISMS UPM juga akan membincangkan cadangan perluasan skop ISMS iaitu skop Pra Universiti, Sumber Manusia, Kewangan dan Penyelidikan bersama peneraju proses berkaitan serta meneliti ketersediaan sistem sokongan yang digunapakai oleh pihak berkepentingan di UPM.	TWP ISMS	Pusat Jaminan Kualiti (CQA) telah menyelaras dua siri perbincangan berkenaan perluasan skop iaitu pada 23 Disember 2025 dan 6 Julai 2026. Perbincangan tersebut diadakan bersama TWP ISMS, Timbalan Pengarah Jaminan Kualiti Perkhidmatan, CQA dan peneraju proses yang terlibat. Melalui perbincangan, urusetia ISMS telah merangka pelaksanaan model baharu yang menggabungkan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan Keselamatan Maklumat bagi memperkukuh dokumentasi QMS, menambah baik prosedur sedia ada serta memastikan pemantauan dilaksanakan secara berterusan. Penelitian lanjut berkenaan cadangan skop data pelajar prasiswazah yang merangkumi maklumat peribadi dan maklumat akademik, termasuk proses kerja, sistem aplikasi, pengkalan data, rekod fizikal dan digital serta perkhidmatan ICT yang berkaitan akan diadakan bersama pihak peneraju. Cadangan transformasi skop baharu dijangka pada tahun 2027.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB / TINDAKAN	<u>STATUS KEBERKESANAN TINDAKAN</u> PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN)